

**PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM
KALANGAN MAHASISWA : KAJIAN KES
KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD**



MUHAMAD HAFIY AZIZI BIN MOHAMAD

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM
KALANGAN MAHASISWA : KAJIAN KES
KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD**

oleh



MUHAMAD HAFIY AZIZI BIN MOHAMAD

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS DISERAHKAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
UNTUK TAHAP
IJAZAH SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA : KAJIAN KES KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN**
BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **MUHAMAD HAFIY AZIZI BIN MOHAMAD**, Sesi **2019-2022**, mengaku membenarkan tesis sarjana muda ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

/

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



MUHAMAD HAFIY AZIZI BIN MOHAMAD
BA19110699

 **ANITA BINTI ARSAD**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 12 Ogos 2022

PENAKUAN

Karya ini merupakan sebuah hasil kajian saya sendiri kecuali rujukan yang diambil dan setiap daripadanya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 12 Ogos 2022



MUHAMAD HAFIY AZIZI BIN MOHAMAD
BA19110699



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : MUHAMAD HAFIY AZIZI BIN MOHAMAD
NO. MATRIK : BA19110699
TAJUK : PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN
MAHASISWA : KAJIAN KES KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD
IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN
BIDANG : KOMUNIKASI

DISAHKAN OLEH

1. **PENYELIA UTAMA**
DR AISAH BINTI MERI



TANDATANGAN

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Aisah Binti Meri', positioned above a horizontal line.

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, penulis dapat menyiapkan tesis bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian (Komunikasi) dalam tempoh masa yang ditetapkan Selain itu, penulis juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbaga kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan penulis insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr Aisah Binti Meri selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing penulis sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada semua residen atau pelajar yang menetap di Kolej Kediaman Tun Fuad, Universiti Malaysia Sabah yang telah memberikan kerjasama dan bantuan sepanjang penulis menjalankan kajian ini.

Selain itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi Mohamad bin Kassim (Ayahanda), Rosiah binti Ahamd (Bonda), dan keluarga yang tidak putus-putus memberkan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan di atas segala pertolongan, dorongan, dan sokongan moral yang tidak berbelah bahagi.

Selain itu, sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua yang terlibat di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dan Pihak Universiti Malaysia Sabah sepanjang pengajian saya di sini.

Sekian terima kasih, Wasalam.

MUHAMAD HAFIY AZIZI BIN MOHAMAD

ABSTRAK

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA : KAJIAN KES KOLEJ KEDIAMAN TUN FUAD

Media sosial telah mencipta fenomena di internet yang membantu mengekalkan hubungan dengan pengguna lain. Perkembangan media sosial turut memberi impak kepada pelajar. Namun sejak kebelakangan ini terdapat segelintir pelajar yang terlalu taksub dengan penggunaan media sosial sehingga mampu memberi impak kepada pembelajaran mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa. Kajian kuantitatif telah dijalankan dalam kajian ini. Objektifnya ialah (1) Mengenal pasti kegunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa, (2) Mengenal pasti kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Seramai 274 orang responden telah menyertai kajian ini dan mereka merupakan pelajar yang menetap di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS). Hasil kajian menunjukkan bahawa media sosial yang paling biasa digunakan ialah *WhatsApp dan Tiktok* serta majoriti pelajar sedar bahawa media sosial bukan sekadar untuk tujuan hiburan dan online game semata-mata. Kesimpulannya, terdapat juga pelajar yang cakna akan manfaat media sosial dengan menjadikan media sosial sebagai platform untuk menjana dan meraih pendapatan. Oleh itu, dapatan kajian ini telah berjaya menjawab objektif kajian yang telah ketengahkan.

Kata kunci: Media sosial, penggunaan media sosial, kepuasan media sosial

ABSTRACT

USE OF SOCIAL MEDIA AMONG STUDENTS : CASE STUDY OF TUN FUAD RESIDENTIAL COLLEGE

Social media has created a phenomenon on the internet that helps maintain relationships with other users. The development of social media also affects students. But lately there are a few students who are too obsessed with the use of social media so that it can affect their education. Therefore, this study was conducted to find out the use of social media among students. A quantitative study was conducted in this study. The objective is to (1) Identify the use of social media among Tun Fuad Residential College (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS) students, (2) To identify the satisfaction of using social media among at Tun Fuad Residential College (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS) students. A total of 274 respondents have participated in this study and they are students residing at Tun Fuad Residential College (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS). The results of the study show that the most commonly used social media are WhatsApp and Tiktok and the majority of students are aware that social media is not just for entertainment and online games. In conclusion, there are also students who realize the benefits of social media by using social media as a platform to generate and earn income. Therefore, the findings of this study have successfully answered the objectives of the study that have been highlighted.

Keywords: Social media, social media use, social media satisfaction

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	4
1.3 Permasalahan Kajian.....	6
1.4 Persoalan Kajian.....	8
1.5 Objektif kajian.....	9
1.6 Kepentingan Kajian.....	10
1.7 Skop Kajian.....	11
1.8 Tujuan Kajian.....	12
1.9 Kesimpulan.....	13

BAB 2 SOROTAN LITERATUR..... 14

2.1 Pengenalan.....14

2.2 Sejarah Perkembangan Teori.....15

2.3 Tinjauan Kajian Lepas.....16

2.4 Modal Kajian18

2.5 Pengkonsepan.....19

2.6 Kesimpulan24

BAB 3 METODOLOGI 25

3.1 Pengenalan.....25

3.2 Reka Bentuk Kajian.....25

3.3 Instrumen Kajian.....26

3.4 Populasi dan Sampel Kajian.....28

3.5 Tatacara Pengumpulan Data.....31

3.6 Kaedah Analisis Data32

3.7 Pengoperasian33

3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan.....34

3.9 Kesimpulan38

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 39

4.1 Pengenalan.....39

4.2 Hasil Kajian.....39

4.3 Kesimpulan59

BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	60
5.1	Pengenalan.....	60
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	60
5.3	Perbincangan Kerangka Teoritikal	62
5.4	Limitasi Kajian.....	63
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	63
5.6	Kesimpulan	64
RUJUKAN	65
LAMPIRAN	69



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.7	Jadual Pengoperasian..... 33
Jadual 3.8.1	Jadual Kandungan Soal Selidik dan Bilangan Item Sebelum Ujian Rintis Dijalankan 35
Jadual 3.8.2	Jadual Interpretasi skor Alpha Cronbach..... 36
Jadual 4.2.1	Bahagian A : Demografi Responden 40
Jadual 4.2.2	Bahagian B : Mengenalpasti Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa..... 43
Jadual 4.2.3	Bahagian C : Mengenalpasti Tahap Kepuasan Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa..... 50



SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.4 Model Kajian Kegunaan dan Kepuasan	18
Rajah 3.4.3 Krejcie dan Morgan, 1970.....	30



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

KKTF	Kolej Kediaman Tun Fuad
UMS	Universiti Malaysia Sabah
KKTM	Kolej Kediaman Tun Mustapha
KKTPAR	Kolej Kediaman Tun Pangeran Ahmad Rafea
KK1B	Kolej Kediaman 1Borneo @ USIA
KKAF	Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher
U&G	Uses and Gratification
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan menerangkan berkaitan kajian yang dilakukan mengenai penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa. Pengisian bab ini akan meliputi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, tujuan kajian dijalankan, objektif kajian yang ingin dicapai, kepentingan kajian, skop kajian dan juga batasan kajian. Tajuk kajian ini adalah "Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Mahasiswa : Kajian Kes di Kolej Kediaman Tun Fuad, Universiti Malaysia Sabah". Pengkaji ingin mengenalpasti kegunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa secara rawak. Hal ini akan mempengaruhi kesan afektif, kognitif dan tingkah laku mahasiswa. Oleh hal yang demikian, bagi mendepani kajian ini pengkaji turut ingin mengenalpasti kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Berdasarkan cakupan kajian, media sosial dapat didefinisikan sebagai satu alat yang digunakan untuk menyampaikan atau menerima sesuatu maklumat melalui jaringan internet (Dictionary, 2017). Selain itu, media sosial juga boleh ditakrifkan sebagai sebuah platform atau alat komunikasi untuk menyampaikan maklumat dengan mudah dan cepat. Hal ini dikatakan demikian kerana, media sosial dapat memudahkan masyarakat untuk berkomunikasi dengan khalayak umum melalui jaringan yang pantas (Valenza, 2014). Media sosial merupakan satu medium yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Ledakan era modenisasi di Malaysia telah mengubah sudut pandang masyarakat dengan menjadikan internet sebagai satu perkara yang penting dalam kehidupan seharian. Pemangkin era revolusi industri 4.0 telah membuktikan bahawa media sosial bukan sahaja satu tempat untuk mencari maklumat, malah ia juga mampu menjana pendapatan seharian dan memberi hiburan kepada para penggunanya.

Peredaran arus teknologi yang semakin pesat dan meningkat maju telah mengakibatkan daya pemikiran manusia lebih kreatif dan mampu menghasilkan lebih banyak perisian teknologi yang canggih di era serba moden ini. Melalui falsafah dunia tanpa sempadan, pengguna internet atau media sosial adalah mampu untuk berhubung melalui jarak jauh dengan berkebolehan membatasi zon had masa dan mobiliti pengguna. Menurut Internet World Stats pada 30 Jun 2012, seramai 17.7 juta rakyat Malaysia direkodkan melayari Internet secara aktif. Tahap kebergantungan terhadap Internet juga direkodkan secara jelas melalui aktiviti yang dilakukan oleh para pelajar dalam kehidupan seharian mereka seperti penggunaan emel, memperoleh berita semasa, bermain permainan video, membeli belah secara dalam talian dan lain-lain (Internet World Stats, 2012).

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan penggunaan media sosial di Malaysia telah meningkat dari 81.2% pada tahun 2018 ke 84.25% pada tahun 2019. Hal ini menunjukkan penggunaan media sosial mengalami peningkatan sebanyak 3.05% dalam kalangan penduduk di Malaysia (The Office Of Chief Statistician Malaysia, 2021). Selain itu, Ketua Jabatan Perangkaan Malaysia juga berkata, 97.1% penggunaan rangkaian sosial direkodkan di Malaysia telah menjadikan aktiviti seperti memuat turun gambar, filem, video dan lain-lain, adalah yang paling popular diikuti dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Sebanyak 83.5% pengguna telah mengakses internet bagi tujuan mendapatkan maklumat, dan sebanyak 77.4% pengguna telah membuat panggilan video dan akhir sekali sebanyak 77.1% pengguna adalah bertujuan untuk memuat turun aplikasi-aplikasi yang ada di internet (FMT Reporters, 2020).

Perkembangan kemajuan teknologi seperti kemudahan mengakses media sosial menerusi dihujung jari telah membawa satu daya pemikiran yang kritis dari sudut intelektual para jurutera perisian. Hal ini secara tidak langsung wujudnya pelbagai aplikasi-aplikasi pintar media sosial yang mampu menghubungkan masyarakat dunia tanpa batas sempadan. Penggunaan internet telah menyebabkan kepesatan teknologi secara berperingkat dan secara tidak langsung mengubah cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi di antara satu sama lain (Lee-Post, 2009).

Kesannya, pelbagai aplikasi rangkaian sosial telah dicipta sebagai medium perhubungan seperti aplikasi *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Tiktok* dan lain-lain.

Terdapat juga aplikasi-aplikasi di media sosial yang mampu menghasilkan sumber pendapatan individu seperti aplikasi *Grab*, *Foodpanda*, *Maxiim* dan lain-lain. Namun aplikasi-aplikasi di media sosial ini juga mampu menghasilkan perkara yang negatif jika disalahgunakan oleh para penggunanya. Menurut Fauzi Sukimi & Suhaniya, 2019, media sosial telah menjadi sebahagian daripada hidup manusia terutama bagi generasi muda pada kerana ia mampu mengakibatkan masalah ketagihan media sosial yang berlebihan. Tambahan pula, lambakan pengeluaran telefon pintar dengan harga yang mampu milik juga telah menjadi penyumbang terbesar dalam peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan generasi muda. Namun demikian, penggunaan media sosial yang tidak terkawal mampu memberikan kesan yang negatif berbanding kesan positif kepada pengguna.

Menurut Kandell (1998), mahasiswa lebih kerap bergantung kepada media sosial berbanding rakan-rakan atau golongan lain dalam masyarakat. Hal ini kerana ia mungkin disebabkan oleh keinginan yang tinggi untuk membentuk identiti diri atas tujuan matlamat yang tertentu. Mahasiswa sering menganggap bahawa rangkaian sosial merupakan medium utama dan terpenting dalam aktiviti berkomunikasi dan berinteraksi dengan dunia luar. Ke kerapannya penggunaan Internet dalam kalangan mahasiswa ini telah membuka banyak ruang bagi pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan tujuan atau motif penggunaan rangkaian sosial yang mempengaruhi aktiviti sosial seharian pelajar. Dari perspektif Teori Kegunaan dan Kepuasan, matlamat seseorang individu meliputi sistem sosial dan juga keupayaan Internet yang didirikan melalui sistem media adalah saling berkait rapat kerana ia bertujuan untuk memenuhi matlamat tertentu dan juga ia mampu untuk memberi pengaruh terhadap aktiviti pengguna lain dalam persekitaran online.

1.2 Latar Belakang Kajian

Permulaan perkembangan media sosial ini telah bermula pada tahun 1978 yang telah dijumpai daripada satu sistem papan buletin yang telah digunakan untuk memuat turun sesuatu maklumat serta membolehkan masyarakat untuk berkomunikasi dengan menggunakan elektronik namun internet yang digunakan masih ketinggalan iaitu menggunakan saluran telefon dengan modem (kompas.com, 2019). Secara umumnya, kini media sosial telah mengalami satu ledakan modenisasi secara drastik.

Media sosial adalah satu kemudahan internet yang membolehkan masyarakat untuk berinteraksi dengan mudah serta membina satu ikatan kekeluargaan yang semi-umum dan ada juga yang menggunakan media sosial ini sebagai medium perkongsian maklumat atau pertukaran idea sesama individu yang lain. Media sosial bukan sahaja mampu untuk berkomunikasi melalui interpersonal namun ia juga mampu untuk mengisi masa lapang dengan hiburan dan menjana pendapatan individu, keluarga serta mampu untuk memberi imbuhan kepada negara.

Pada satu ketika dahulu, media sosial hanya digunakan untuk tujuan berkomunikasi melalui jarak yang jauh, namun kini ia digunakan sebagai platform untuk membangun serta memajukan perniagaan dan mengambil sebahagian tugas-tugas manusia seperti orang yang berkerja sebagai penghantar surat (Razali, 2019). Tidak dapat disangkal lagi, media sosial mempunyai satu kelompok komunitinya yang tersendiri. Kewujudan kelompok komuniti ini mampu wujud dengan pantas melalui komunikasi yang berkesan serta berkongsi minat yang sama seperti komuniti *Instagram*, *Facebook*, *Twitter* dan lain-lain.

Kini, media sosial banyak digunakan dalam kalangan pelajar kerana ia seiring dengan dasar pendidikan digital yang ingin dicapai oleh kerajaan. Impak daripada wabak pandemik covid-19 juga telah mengakibatkan ramai pelajar telah mula lebih terdedah dengan penggunaan media sosial dan internet. Sekiranya tiada disiplin dalam penggunaan media sosial, pelajar akan tenggelam dibadai oleh media sosial. Tidak dapat disangkal lagi bahawa media sosial mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri yang meliputi impak positif dan negatif kepada penggunaanya.

Kajian ini memfokuskan kepada mahasiswa yang menetap di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS) sahaja. Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan salah satu institusi pengajian tinggi awam yang ke-9 ditubuhkan di Malaysia pada tahun 24 November 1994. Terdapat tiga cawangan UMS iaitu kampus induk yang terletak di Kota Kinabalu, cawangan Sandakan yang dinamakan sebagai UMS Fakulti Pertanian Lestari dan juga cawangan Labuan yang dinamakan UMS Kolej Antarabangsa Labuan. UMS menyediakan kemudahan penempatan atau kolej kediaman kepada para pelajarannya. UMS kampus induk Kota Kinabalu, ia menyediakan lima kolej kediaman kepada para pelajarannya, antaranya ialah Kolej Kediaman Tun Pangeran Ahmad Rafee (KKTPAR), Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) Kolej Kediaman 1Borneo @ USIA (KK1B), dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher (KKAF). Setiap kolej kedaiaman mempunyai kapasiti pelajar mereka yang tersendiri. Latar belakang kursus pelajar yang menginap disesuatu kolej kediaman adalah berbeza-beza atau bercampur dari sudut aspek fakulti, dan tahun pengajian.

UMS memegang prinsip agenda transformasi ke arah Universiti-Industri 4.0. Hal ini dapat dibuktikan melalui sistem pengurusan pembelajaran yang dinamakan SMARTUMS yang kini ditingkatkan ke Version 3 (UMS, 2015). Oleh itu, ini menunjukkan bahawa UMS cakna terhadap sistem pendigitalan kepada para pelajarannya. Namun begitu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui kebergantungan mahasiswa terhadap media sosial yang digunakan dalam kehidupan seharian.

1.3 Permasalahan Kajian

Dengan kewujudan media sosial, masyarakat kini lebih cakna akan isu-isu semasa. Pelbagai lapisan peringkat umur telah mendewasakan internet sebagai sumber utama bagi mendapatkan isu-isu terkini. Aplikasi seperti WhatsApp dan Facebook menjadi wadah hiburan rasmi dalam kehidupan seharian bagi berinteraksi dan mendapatkan info-info semasa (Shafinaz, 2019). Menurut laporan The digital News Report 2017, peratusan penggunaan aplikasi *WhatsApp* adalah yang tertinggi dicatatkan di Malaysia iaitu sebanyak 51% bagi tujuan mendapatkan maklumat dan berkongsi cerita kerana ianya untuk mudah diakses dengan hanya di hujung jari (astro awani, 2017). Namun sejauhmana keberkesanan aplikasi tersebut dalam mencapai matlamat yang diinginkan dalam kehidupan seharian.

Kebergantungan pelajar terhadap media sosial pada masa ini amat ketara kerana sifat media itu yang memerlukan penglibatan aktif para penggunanya. Ke kerapannya penggunaan media sosial oleh para pelajar pada masa ini bukan sahaja tertumpu oleh aspek akademik semata-mata, namun capaiannya lebih dipengaruhi oleh sifat atau ciri-ciri penggunaannya yang tersendiri. Keluasan capaian internet yang mampu mengakses pelbagai maklumat mengikut matlamat tertentu telah mengakibatkan ada pengguna yang menyalahgunakan kelebihan media sosial. Keadaan ini akan mewujudkan satu hubungan antara sistem sosial dengan sistem media dan secara tidak langsung akan mempengaruhi aktiviti khalayak umum.

Majoriti pengguna aktif media sosial adalah bertujuan untuk memenuhi kepuasan dan kehendak mereka yang tersendiri. Hal ini menjelaskan bahawa kini, manusia saling bergantung harap dengan penggunaan media sosial semata-mata. Dengan kemudahan untuk mengakses hanya di hujung jari, informasi-informasi, isu-isu semasa dan lain-lain dapat disebarkan dengan pantas dan lebih berkesan. Ke kerapannya penggunaan media sosial di Malaysia adalah tinggi. Menurut Vergerr dan Pelzer (2009), keberangkalian pengguna aktif yang menggunakan media sosial adalah bertujuan untuk melawan kesunyian, memecahkan batas tembok kebosanan dan ingin mencari hiburan. Oleh itu, Teori Kegunaan dan Kepuasan (Uses and Gratification) yang diperkenalkan oleh Jay Blumler dan Elihu Katz pada tahun 1974, menjelaskan bahawa ia memfokuskan perhatian pada

pengguna dalam menggunakan sesuatu sesuatu media, seperti ringkasannya "what do people do with the media?" (Morissan,2010).

Media sosial mampu memberikan kesan terhadap pelajar berkenaan isu-isu semasa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Tidak dinafikan ada pelajar yang menggunakan media sosial sebagai medium untuk mereka mendapatkan ilmu yang baharu tetapi kesan negatif daripada media sosial lebih banyak daripada kesan positif. Pelajar yang terlibat dengan media sosial lebih cenderung untuk mengenali rakan baharu melalui aplikasi yang disertai mereka. Sebagai contoh, Facebook merupakan aplikasi yang terbesar digunakan oleh ramai orang untuk berkongsi perasaan dan pandangan mereka (Bank & Tat, 2014). Kebanyakan pengguna media sosial melakukan sikap yang kurang menyenangkan seperti menggunakan bahasa tidak senonoh atau kasar, pengaruh buruk, dan gangguan seksual.

Pengguna media sosial boleh berinteraksi menggunakan panggilan suara, video, dan berkemungkinan mampu untuk berjumpa secara bersemuka. Hal ini secara tidak langsung mampu menimbulkan masalah sosial terhadap penggunaannya sebagai contoh penyalahgunaan bahan, terlibat dengan rempit dan berzina. Kesannya ramai pengguna terutama lingkungan pelajar akan mengalami keruntuhan akhlak terutama golongan perempuan. Isu-isu seperti dadah, seks bebas, dan lain-lain mampu meninggalkan kesan seperti ketagihan dan lahirnya anak luar nikah hasil penzinaan yang hanya bermula daripada rangkaian media sosial (Sitiezaleila Mustafa, 2016). Oleh itu, jelas membuktikan bahawa media sosial mampu menyebabkan perubahan pada pemikiran, sikap dan tingkahlaku pengguna yang sering terdedah kepadanya. Salah satu kajian yang penting dalam bidang komunikasi adalah untuk mengenalpasti motif kegunaan media dari perspektif pengguna termasuk hubungan individu dengan media dan kesan akibat hubungan tersebut.

1.4 Persoalan Kajian

Media sosial adalah satu teknologi yang ramai masyarakat gunakan dalam menjalani kehidupan seharian terutamanya seseorang yang bergelar pelajar di institusi-intituti pengajian tinggi. Media sosial ini terdiri daripada *Whatsapp, Telegram, Instagram, Facebook* dan lain-lain. Dengan adanya media sosial ini pelajar lebih mudah mengalami ketagihan sekiranya tiada disiplin yang baik dalam penggunaannya. Namun, tidak dapat disangkal bahawa media sosial mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri, dimana pada akhirnya mampu membawa impak positif dan negatif kepada para penggunanya.

Persoalan yang timbul ialah :

1. Apakah kegunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS) ?
2. Apakah kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS) ?



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.5 Objektif Kajian

Objektif utama yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti kegunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS).
2. Mengenalpasti kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa di Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF), Universiti Malaysia Sabah (UMS).



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia akan memberikan manfaat kepada pihak-pihak berkepentingan seperti universiti, kerajaan dan pengkaji lain. Pengkaji juga berharap hasil kajian ini dapat membantu para penelitian bagi mengetahui penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa. Hal ini kerana, kepesatan teknologi yang kian meningkat dengan jaringan media sosial yang pelbagai mampu meningkatkan keupayaan pelajar dalam mendapatkan sesuatu perkara yang ingin dicapai dengan mudah dan berkesan. Dengan itu, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi gambaran jelas bagi kepentingan masa hadapan berkaitan kegunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa.

Selain itu, pihak berkepentingan seperti universiti dan kerajaan akan dapat mengenal pasti jenis media yang sesuai untuk digunakan oleh mahasiswa supaya sesuatu maklumat dapat disampaikan kepada khalayak sasaran secara berkesan. Maklumat daripada kajian ini dapat digunakan untuk proses perancangan pada masa akan datang seperti membentuk mesej dan pemilihan saluran untuk menyampaikan sesuatu mesej. Rekod kekerapan jenis media akan membantu dalam mengetahui jenis media sosial yang sering digunakan dalam kehidupan seharian mahasiswa. Dengan itu, kajian ini akan mengupas tingkahlaku kehidupan mahasiswa dalam menggunakan rangkaian sosial. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa kajian ini akan menghuraikan kegunaan media sosial disamping kepuasan menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian.